

DUA DEKAD KECEMERLANGAN TADBIR URUS: MEMBINA KEPERCAYAAN, MEMELIHARA KESTABILAN

Apabila PIDM ditubuhkan, misi kami adalah jelas iaitu melindungi pendeposit serta menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara. Bagi merealisasikan misi ini, pembentukan rangka kerja tadbir urus yang mantap menjadi keutamaan, khususnya dalam memastikan keyakinan awam terus terpelihara dari semasa ke semasa. Keyakinan ini amat penting bagi sebuah organisasi yang diberi tanggungjawab memelihara kestabilan sistem kewangan bersama peserta lain dalam jaring keselamatan kewangan negara.

Asas yang Kukuh

Akta PIDM menjadi asas utama tadbir urus organisasi. Akta ini memperincikan objektif berkanun PIDM,¹ menjelaskan peranannya dalam jaring keselamatan kewangan, menjamin kebebasan operasi, serta menetapkan syarat kelayakan yang ketat bagi Lembaga Pengarah untuk mengelakkan konflik kepentingan.² Akauntabiliti PIDM telah dimandatkan menerusi pelaporan kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan serta audit bebas oleh Ketua Audit Negara.

Akta PIDM juga mewujudkan kebebasan Lembaga Pengarah dengan memisahkan peranan Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Lembaga Pengarah yang dianggotai sepenuhnya oleh ahli bukan eksekutif, bertanggungjawab menetapkan hala tuju strategik dan menjalankan pemantauan, manakala Pengurusan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (yang bukan Lembaga Pengarah) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan operasi harian. Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah turut memperincikan peranan Lembaga Pengarah dan Pengurusan.³ Struktur ini mengukuhkan kebebasan dalam membuat pertimbangan dan ketelusan keputusan, terutamanya apabila melibatkan kepentingan pendeposit dan kestabilan sistem kewangan dalam situasi ketidakpastian. PIDM merupakan antara institusi terawal dan segelintir yang menerbitkan Polisi Tadbir Urus di laman webnya bagi menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti, serta menyemak dan mengemas kini polisi ini pada setiap tahun.

Keberkesanan Lembaga Pengarah turut dibantu melalui jawatankuasa-jawatankuasa khusus iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Tadbir Urus, serta Jawatankuasa Modal Insan

dan Ganjaran, dan apabila perlu, Jawatankuasa Perancangan Penggantian.⁴ Di samping itu, penilaian tahunan prestasi Lembaga Pengarah, program orientasi serta pembelajaran berterusan turut memastikan tahap keberkesanan Lembaga Pengarah sentiasa dipertingkatkan.

Kesemua elemen ini memastikan PIDM boleh membuat keputusan dengan tepat apabila diperlukan, di samping terus berpegang teguh kepada amanah kepentingan awam.

Melangkaui Keperluan Perundangan

Selain mematuhi keperluan Akta PIDM, kami secara sukarela menerima pakai amalan terbaik tadbir urus korporat daripada sektor awam dan swasta sejak awal penubuhan. Pendekatan ini mencerminkan komitmen kepada prinsip bahawa tadbir urus organisasi dibentuk secara proaktif, bukan sekadar mematuhi peraturan.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Tadbir Urus memainkan peranan penting dalam memastikan amalan tadbir urus PIDM kekal sejajar dengan standard terbaik. Ini dicapai melalui penandaarasan amalan tadbir urus kami secara berkala terhadap perkembangan tadbir urus dalam negara dan antarabangsa.

Prinsip keterbukaan atau ketelusan, integriti termasuk kebebasan, serta akauntabiliti⁵ menjadi asas utama rangka kerja tadbir urus PIDM, yang membentuk polisi, pelaksanaan proses serta pembudayaan nilai organisasi.

Ketelusan Membina Kepercayaan

Ketelusan dan akauntabiliti merupakan asas penting bagi sebuah institusi yang keberkesananannya bergantung kepada keyakinan awam dan ini dizahirkan melalui amalan pelaporan korporat kami. Sejak PIDM ditubuhkan, pelaporan korporat kami bukan sahaja memenuhi standard pelaporan yang ditetapkan, malah konsisten dengan amalan terbaik. Kami merupakan antara beberapa badan sektor awam di Malaysia yang mendedahkan secara terbuka rancangan korporat serta laporan kemajuan melalui penerbitan laporan tahunan. Selain memenuhi keperluan pelaporan kewangan, kami turut menyediakan pendedahan tambahan yang relevan bagi meningkatkan tahap ketelusan maklumat.

Seiring dengan perubahan masa, kami telah beralih daripada pendekatan pelaporan prestasi dan kewangan secara tradisional kepada pendekatan yang lebih menyeluruh dan komprehensif melalui penerapan Integrated Reporting Framework yang bertaraf antarabangsa. Pendekatan ini mengukuhkan hubungan antara maklumat kewangan dan bukan kewangan, serta menyelaraskan rancangan korporat dengan hasil kewangan. Kualiti pelaporan korporat kami telah menerima pelbagai pengiktirafan melalui pelbagai anugerah⁶ dan menjadi rujukan dalam pelaporan korporat sektor awam. Kami juga menerbitkan pelbagai polisi berkaitan tadbir urus di laman web korporat kami – suatu amalan yang masih belum meluas dalam kalangan organisasi lain.

¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (sebagaimana dipinda oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011)

² Ini termasuk melucutkan kelayakan individu tertentu daripada berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah PIDM, antaranya ahli badan perundangan; pegawai institusi ahli; serta pemegang jawatan dalam parti politik

³ Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pula mengandungi 15 standard yang terpakai kepada Lembaga Pengarah, dengan tahap pematuan terhadap polisi tersebut dilaporkan setiap tahun

⁴ Jawatankuasa ini turut memantau perancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif

⁵ Prinsip-prinsip ini adalah selaras dengan saranan International Federation of Accountants melalui penerbitan "Corporate Governance in the Public Sector: A Governing Body Perspective" (2001) serta diambil daripada "Financial Aspects of Corporate Governance Committee" (Cadbury Report, 1992)

⁶ Kami telah menerima Sijil Kepujian National Annual Corporate Report Awards (NACRA) bagi Laporan Tahunan 2006, 2007 dan 2013, serta Anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Tidak Tersenarai untuk Laporan Tahunan 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012. Pada tahun 2017, kami turut dianugerahkan Anugerah Perak Australasian Reporting Awards bagi pendedahan maklumat dalam Laporan Tahunan 2015

Secara keseluruhannya, amalan ini bertujuan memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan, termasuk orang awam, bahawa institusi yang bertanggungjawab melindungi deposit serta menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara turut tertakluk kepada disiplin dan pemantauan yang kukuh.

Keterbukaan kami turut merangkumi pelibatan pihak berkepentingan di mana proses seperti dialog industri dan penerbitan kertas perundingan yang dilaksanakan sejak awal penubuhan memastikan pandangan penting daripada pihak berkepentingan diambil kira dalam pembangunan atau penambahbaikan polisi kawal selia. Pendekatan ini memupuk kepercayaan serta memastikan garis panduan dan rangka kerja yang dibangunkan kekal efektif dan relevan.

Kesediaan Menghadapi Risiko dan Daya Tahan

Pemantauan risiko merupakan lapisan kritikal dalam rangka kerja tadbir urus kami. Rangka kerja serta proses pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman⁷ memastikan risiko dikenal pasti, dinilai dan ditangani secara sistematik, manakala pengaturan patuhan korporat bertujuan memastikan patuhan menyeluruh organisasi terhadap undang-undang serta polisi utama. Pelaporan secara bebas oleh Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalaman kepada Lembaga Pengarah mengukuhkan objektiviti, di samping membolehkan pengenalan awal risiko baharu yang muncul serta memperkukuh tahap kesediaan organisasi.

Tahap persediaan ini penting memandangkan kestabilan sistem kewangan tidak hanya bergantung kepada keupayaan bertindak balas ketika krisis, malah menuntut disiplin untuk menjangka dan mengurangkan risiko sebelum ia menjadi ancaman yang lebih besar.

Kebebasan Berteraskan Integriti

Tingkah laku beretika dan integriti diterapkan dalam operasi serta amalan harian kami. Kepercayaan dan keyakinan terhadap PIDM sebagai pengawal selia dan institusi sektor awam berteraskan komitmen kami untuk mempamerkan tingkah laku beretika dan integriti dalam setiap tindakan. Kod tatakelakuan pengurusan dan etika, polisi konflik kepentingan,⁸ pengaturan pendedahan maklumat serta kawalan perolehan menetapkan jangkaan tingkah laku yang jelas kepada Lembaga Pengarah dan juga kakitangan.

Semua kakitangan dikehendaki mengisytiharkan aset dan liabiliti kewangan apabila menyertai PIDM dan pada setiap tahun berikutnya. Lembaga Pengarah pula perlu mendedahkan kepentingan dalam institusi ahli atau sekutunya, termasuk kemudahan kredit atau deposit dengan mana-mana bank ahli yang melebihi had perlindungan PIDM, secara tahunan. Kakitangan utama dan Lembaga Pengarah juga dikehendaki melaporkan sebarang kepentingan atau jawatan yang dipegang oleh mereka atau sebagai pihak berkaitan dalam entiti yang mempunyai hubungan urus niaga dengan PIDM. Langkah-langkah ini membantu meminimumkan konflik kepentingan, mengurangkan risiko rasuah serta memastikan setiap keputusan berlandaskan mandat, objektiviti dan kepentingan awam.

Pertimbangan tingkah laku dan etika turut diintegrasikan dalam rangka kerja prestasi dan imbuhan, sekali gus memperkukuh akauntabiliti serta menyelaraskan insentif dengan nilai organisasi.

Kebebasan operasi diperkukuh melalui mekanisme seperti Polisi Menangani Campur Tangan Luar yang mewajibkan kakitangan melaporkan sebarang cubaan pihak luar mempengaruhi operasi dan proses membuat keputusan PIDM. Pelan Antirasuah Organisasi pula menterjemahkan keutamaan integriti nasional kepada tindakan organisasi yang konkrit, sekali gus meningkatkan daya tahan terhadap risiko tadbir urus dan rasuah.⁹

Kesemua langkah ini adalah penting bagi mengekalkan keyakinan terhadap sebuah organisasi yang memikul tanggungjawab berskala sistemik.

Tadbir Urus Berkembang Seiring Masa

Seiring evolusi perkhidmatan kewangan dalam dunia digital yang semakin berkembang dan saling berhubung, rangka kerja tadbir urus kami turut berkembang untuk merangkumi pengurusan maklumat, keselamatan siber dan risiko teknologi. Pendekatan ini memastikan transformasi digital meningkatkan kecekapan serta kebolehpasaran tanpa menjejaskan kepercayaan, kerahsiaan mahupun daya tahan operasi.

Akta PIDM serta rangka kerja, polisi dan kod kami juga disemak secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan dan memadai. Tanda aras yang dilaksanakan secara berkala memberikan pengesahan bahawa pendekatan tadbir urus kami kekal selaras dengan amalan terbaik yang disyorkan. Satu semakan luaran tadbir urus yang dijalankan pada tahun 2024 bagi tempoh 2013 hingga 2023 merumuskan bahawa amalan tadbir urus PIDM adalah sejajar dengan amalan terbaik yang disyorkan dalam aspek seperti peranan, komposisi, keberkesanan, akauntabiliti serta tingkah laku beretika Lembaga Pengarah.¹⁰ Di samping itu, pendedahan dalam laporan tahunan PIDM¹¹ didapati setanding dengan pengawal selia antarabangsa dan tempatan serta sektor swasta, sekali gus mencerminkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi.

Teguh Hari Ini, Lebih Kukuh Esok Hari

Kini, setelah dua dekad, kami menjadi contoh teladan tadbir urus yang baik bagi sektor awam. Perjalanan kami mencerminkan komitmen berterusan terhadap asas yang kukuh, pemantauan berdisiplin dan penambahbaikan berterusan. Tadbir urus memberikan struktur dalam persekitaran yang kompleks, kredibiliti dalam tindakan serta ketenangan dalam situasi ketidakpastian.

Di PIDM, tadbir urus bukan sekadar dokumen yang tersimpan di atas rak. Ia merupakan amalan hidup yang telah diterap dalam organisasi, menyokong keyakinan awam, memperkukuh kestabilan sistem kewangan serta memelihara mandat kami, kini dan masa depan.

⁷ Rangka kerja pengurusan risiko perusahaan kami ditanda aras berasaskan Enterprise Risk Management Framework oleh Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO), manakala rangka kerja kawalan dalaman kami adalah sejajar dengan Internal Control – Integrated Framework oleh COSO

⁸ Pelanggaran terhadap kod konflik kepentingan merupakan suatu kesalahan di bawah Akta PIDM

⁹ Pelan Antirasuah Organisasi dibangunkan selaras dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional

¹⁰ Penilaian ini dibuat berasaskan pelbagai penerbitan yang dirujuk oleh PIDM bagi tujuan penandaarasan tadbir urus sepanjang tempoh yang sama

¹¹ Merujuk kepada Laporan Tahunan 2023, iaitu laporan terkini yang tersedia pada ketika semakan tadbir urus berkenaan dijalankan